

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM
BERASASKAN KESIHATAN**

Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 0 8

APB Seremban Care: Kem Cakna Cemerlang SPM 2023

RODHIAH BINTI AMZAH, NURUL SYAFAWANI BINTI HALIM, NIK MAHFUZAH BINTI NIK MAT, & ASMAHANIM BINTI HAJI MOHAMAD YUSUF

Pada 1 hingga 3 September 2023, telah berlangsungnya satu program di antara Akademi Pengajian Bahasa (APB) Kampus Seremban bersama dengan Persatuan Nadi Bahasa Arab dan juga SMK Seremban Jaya Negeri Sembilan. Kem Cakna Cemerlang SPM 2023 telah berjaya dilangsungkan dengan jayanya di UiTM Seremban secara bersemuka yang telah melibatkan seramai 15 pensyarah APB Kampus Seremban, 12 fasilitator dari Kelab Nadi Bahasa Arab dan 85 calon SPM dari SMK Seremban Jaya.

Program SPM ini adalah satu usahasama komuniti yang ingin diterapkan di dalam kalendar APB Kampus Seremban bersama dengan komuniti setempat. Selama 2 tahun berturut-turut APB Kampus Seremban telah berjaya mengadakan program SPM dengan kerjasama kelab pelajar Kampus Seremban. Ini adalah kerana pihak APB Kampus Seremban komited di dalam memastikan para fasilitator kelab Nadi Bahasa Arab dapat menimba ilmu dan pengalaman dalam menjalinkan usaha sama bersama dengan para pelajar dan pihak sekolah. Selain itu, pihak APB Kampus Seremban juga mahu memastikan para pensyarah APB sentiasa peka dan aktif di dalam menyumbang tenaga dan kepakaran kepada pihak sekolah dan komuniti khususnya kepada para peserta Kem Cakna Cemerlang SPM 2023. Dengan berkat kesabaran, perancangan yang jitu dan dedikasi semua pihak yang terlibat, kem ini telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya.



Sewaktu sesi ketibaan dan pendaftaran pelajar SMK Seremban Jaya ke Kolej Kediaman UiTM Seremban 3.

Selain daripada slot subjek SPM yang telah diuruskan oleh pihak sekolah dan fasilitator dari kelab Nadi Bahasa Arab, pihak APB Kampus Seremban juga telah berjaya menganjurkan 3 aktiviti iaitu "knowlege trivia", "team building" dan juga "merdeka explorace". Kesemua aktiviti ini telah berjaya dijalankan dengan jayanya dan pihak pensyarah APB Kampus Seremban juga telah menyediakan suguhati kepada para pelajar sekolah dan memberi motivasi bagi menyuntik minat mereka untuk menyambung pengajian mereka selepas SPM serta terinspirasi dengan kehidupan di Universiti.





Rentetan aktiviti-aktiviti yang dijalankan bersama peserta kem



Majlis penutup bersama dengan barisan pengurusan tertinggi SMK Seremban Jaya

Sewaktu majlis penutup program pada hari Ahad 3 September 2023, pengetua SMK Seremban Jaya, Tuan Mokhtar bin Husin telah menyatakan rasa gembira dan keterujaan beliau akan kejayaan kem tersebut. Program perkongsian ilmu dan kepakaran ini akan diteruskan di tahun-tahun akan datang kerana bukan sahaja ia telah berjaya memberi impak kepada calon-calon SPM SMK Seremban Jaya, ia juga telah berjaya membantu pihak APB Kampus Seremban menjana sebanyak RM1865 kepada UiTM Negeri Sembilan di atas bayaran sewaan kolej kediaman pelajar sekolah. Dengan dedikasi para fasilitator Kelab Nadi Bahasa Arab, perancangan dan kerjasama para pensyarah APB Kampus Seremban, dan juga semangat daripada pihak pengurusan dan peserta-peserta Kem Cakna Cemerlang SPM 2023, kem ini telah menjadi kenangan manis dan pengalaman berharga buat semua peserta dan pihak yang telah menggembelng tenaga untuk program ini dan di harap kecemerlangan ini akan diteruskan di masa hadapan.